

Latihan Intensif

Latihan 1

Baca petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat enam kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Hati ialah organ yang penting dalam tubuh manusia. Hati mempunyai fungsi yang penting seperti metabolisme dan fungsi sintesis kompaun asas. Kerosakan hati hanya disedari apabila kerosakannya telah mencapai tahap yang serius. Oleh kerana itu, seseorang perlu mempunyai pengetahuan asas yang penting misalnya, dapat mengenal pasti penyakit yang melibatkan hati dan mengetahui cara untuk membendung kerosakan hati. Organ hati merupakan organ dalam yang paling terbesar sekali di dalam tubuh manusia. Purata anggaran berat hati ialah 1.5 kilogram. Berdasarkan statistik anggaran kematian yang disebabkan oleh kerosakan organ hati ialah 2.0 juta orang setahun. Walaubagaimanapun, kebanyakan gejala dan tanda adalah hampir sama di antara satu sama lain. Terdapat berbagai kuman yang berpotensi menyebabkan penyakit hati, iaitu kumpulan virus dan parasit.

Dipetik dan diubah suai daripada
Penyakit Hati

Oleh Azmawati Mohammed Nawi
Majalah Dewan Kosmik, Bil. 12/2020

Petikan 2

Seseorang pekerja tidak boleh membuang masa atau curi tulang sewaktu bekerja. Mereka sepatutnya berada di dalam tempat kerja pada waktu yang ditetapkan. Jika perkara tersebut tidak dilaksanakan, maka pekerja tersebut dikira mengambil sesuatu yang bukan haknya. Seseorang pekerja tidak boleh malas melakukan kerja dan menangguhkan kerja yang sepatutnya diselesaikan pada waktunya. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang itu ditugaskan berdasarkan kepercayaan majikan bahawa mereka boleh menggalas amanah dan tanggung jawab. Amanah didefinisikan sebagai jujur atau boleh dipercayai. Seseorang pekerja yang amanah menjadi pengharapan seorang dan semestinya mempunyai nilai integriti yang tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada
Amanah dalam Pekerjaan
Oleh Mohd Nizam Sahad

Majalah Dewan Tamadun Islam, Bil. 12/2020

Bil.	Petikan 1	
	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		

Bil.	Petikan 2	
	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		

Contoh kesalahan bahasa adalah seperti yang berikut.

Ejaan Salah	Ejaan Betul	Ejaan Salah	Ejaan Betul
Menggalakan	Menggalakkan	Membaikpulihan	Membaik pulih
Menanguhkan	Menangguhkan	Mengsingkatkan	Mengskutkan
Mempaparkan	Memaparkan	Menokeriakan	Menneriakan